

'Patuhi piawaian halal'

Pak Lah saran negara Islam utamakan keselamatan dan mutu makanan supaya dapat tembusi pasaran global

Oleh Misiah Taib
dan Nurul Hazren Masitom

SERI KEMBANGAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua negara Islam perlu memberi keutamaan kepada keselamatan dan mutu makanan halal yang dikeluarkan, di samping memenuhi piawaian bertaraf dunia.

Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) itu berkata, ia penting bagi membolehkan produk makanan halal dari negara Islam mampu menembusi pasaran di seluruh dunia.

Malah katanya, langkah mengadaptasi piawaian bertaraf dunia yang diguna pakai negara maju akan memberi jaminan kepada pengguna bukan saja makanan yang dikeluarkan itu adalah halal, tetapi juga Selamat dimakan.

Bagi Malaysia katanya, kerajaan akan terus meningkatkan piawaian halalnya supaya sentiasa selari aliran semasa, khususnya dalam pasaran makanan global.

"Mulai tahun depan, Kementerian

" Halal juga sudah menjadi tanda aras untuk kualiti dan keselamatan, sehingga peningkatan kesedaran di kalangan pengeluar bahawa sijil halal yang sah amat penting sebagai nilai tambah di kebanyakan pasaran dunia"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan memainkan peranan utama menyokong Pameran Antarabangsa Halal Malaysia (Mihas)," katanya dalam ucapan perasmian Mihas 2005 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MI-ECC) di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Pameran itu turut disertai wakil dari Arab Saudi, Australia, Bangla-

desh, Brazil, Iran, Pakistan, Indonesia, Brunei Darussalam, Amerika Syarikat, Emiriyah Arab Bersatu, Palestin dan Bosnia.

Perdana Menteri berkata, Mihas bertindak sebagai penyelaras dan pemangkin untuk semua rangkaian dengan mempertemukan dan menghubungkan pengeluar produk halal dari seluruh dunia.

Katanya, tahun lalu, piawaian halal Malaysia M\$1500:2004 dilancarkan di Mihas 2004 dan piawaian berkelas dunia yang pertama itu sudah dikemukakan kepada anggota Akademi Fiqh OIC pada bulan lalu.

"Dengan perundingan dan penerangan lebih lanjut, M\$1500 diyakini boleh menjadi piawaian halal untuk semua negara anggota OIC," katanya.

Beliau berkata, inisiatif baru juga akan dilaksanakan untuk Mihas tahun depan, dengan penganjuran dua acara tambahan iaitu Pesta Makanan Halal Kuala Lumpur dan Forum Halal Dunia, yang akan menghimpunkan pemimpin korporat industri halal dari seluruh dunia.

Pameran Antarabangsa Halal Malaysia (Mihas)

- Dibuka sehingga 31 Julai
- 500 gerai pameran
- 15 negara
- Pameran terbesar dunia
- Anjuran Yadim dan Matrade